

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 26 MEI 2014 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Transformasi padi bukit	Utusan Malaysia
2.	JAKIM adakan mesyuarat khas	Harian Metro
3.	JAKIM didesak tarik balik sijil halal semua produk syarikat terbabit	KOSMO
4.	Cadbury: JAKIM adakan mesyuarat khas	Utusan Malaysia
5.	Puteri UMNO gesa ujian kedua status halal Cadbury	Utusan Malaysia
6.	Syor ujian kedua sahkan status coklat	Sinar Harian
7.	Mesyuarat khas JAKIM, Cadbury hari ini	Berita Nasional
8.	SukaGuam tawar khidmat saman pengeluar	Berita Harian
9.	Cadbury allays fear	The Sun
10.	Planning beyond GDP gains support	New Straits Times
11.	Penyelidik UPM ungguli bidang inovasi	BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (AGRO) : MUKA SURAT 1
TARIKH : 26 MEI 2014 (ISNIN)

MEMBINA GENERASI BERNIAGA

agro

■ ISNIN 26. 05. 14
■ UTUSAN MALAYSIA

Transformasi padi bukit

MARDI bantu penanam padi tradisional di Sarawak tingkat hasil

TANGGUNGJAWAB menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang pertanian yang digalas oleh agensi dan institusi tempatan tidak pernah bertemu titik noktah.

Penyelidikan itu pula merangkumi pelbagai cabang bidang pertanian iaitu penanaman dan penternakan serta industri kecil dan sederhana (IKS).

>> Bersambung di muka 6 & 7



KERATAN AKHBAR UTUSAN MALAYSIA (AGRO) : MUKA SURAT 3 TARIKH : 26 MEI 2014 (ISNIN)

➤ MegaAgro

INSTITUT Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) antaranya yang diberi tanggungjawab tersebut bagi membantu kumpulan sasar yang sangat memerlukan teknologi baharu bagi menjayakan projek mereka.

Satu daripadanya ialah peranan MARDI menjalankan penyelidikan dalam tanaman padi di Sarawak, mengkhusus kepada jenis padi bukit.

Program pembangunan kawasan padi di Sarawak termasuk padi bukit sebenarnya sebahagian daripada peranan agensi tersebut di negeri bumi Kenyalang bagi membantu penanam yang kebanyakannya mengamalkan pertanian pindah atau nomad.

Selain menjalankan penyelidikan, Pengarah MARDI Sarawak Mohammad Noor Adros Yahya berkata, program pemindahan teknologi dari ibu pejabat di Serdang disebar luaskan kepada kumpulan sasar.

Beliau berkata, salah satu projek yang diperkenalkan di Sarawak ialah projek meningkatkan Hasil Padi Bukit Sarawak bagi tempoh 2009 hingga 2012.

Menurut Mohammad Noor Adros, terdapat kira-kira 124,000 hektar kawasan penanaman padi di negeri itu dan kira-kira separuh daripadanya adalah padi bukit.

Oleh itu jelaslah padi bukit yang amat sinonim dengan petani di negeri itu berdedikasi dengan pelbagai cabaran antara tempoh matang yang lama iaitu antara 145 hari hingga 160 hari, diamalkan secara berpindah randah serta tidak mendapat pembangunan infrastruktur yang sewajarnya.

Menurut Mohammad Noor Adros, padi bukit ditanam di lereng bukit yang kaedah penanamnya ialah tanam dan tinggal iaitu petani meninggalkan kawasan jika tanaman tidak lagi subur akibat tanah kehabisan nutrien.

Kawasan penanaman bukit kebanyakannya di Sri Aman dan Samarahan dan hasil yang diperoleh biasanya antara 700 dan 800 kilogram (kg) sehektar manakala golongan pengusaha terdiri daripada kalangan petani kecil masyarakat Bidayuh dan Iban.

"Asalnya padi bukit ditanam kerana pengusaha membina penempatan

mereka di kawasan tersebut sejak turun-temurun," katanya.

Oleh kerana melibatkan kawasan bukit, kaedah penanaman juga agak tradisional iaitu menggunakan tugal manakala varieti padi yang digunakan ialah mamut, bubuk dan lawi.

Oleh kerana tanaman padi bukit terlalu bergantung kepada air hujan maka musim penanaman bermula pada Oktober setiap tahun.

Masalah yang dihadapi industri padi bukit tersebut telah mendorong MARDI menjalankan kajian mengenai sistem baharu penanaman padi bukit dalam aspek agronomi, pengurusan nutrien, kawalan rumput, perosak dan penyakit.

Menggunakan dana *Technofund* berjumlah RM1.3 juta daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), program tersebut dilaksanakan sepanjang tempoh 2009 hingga 2013 oleh kumpulan penyelidik MARDI yang diketuai Dr. Sarlim Othman, dan di Kuching diselaras oleh penyelidik di Kuching, Zaki Musa.

Menurut beliau lagi, pihaknya juga terlibat dalam projek penambahan potensi hasil padi di Batang Lutar melalui Projek Permulaan (EPP) 11 selain projek di bawah Dasar Keselamatan Makanan menerusi Projek Perintis Pengeluaran Padi di Lundu dan Sri Aman. Projek tersebut menyasarkan peningkatan dua kali ganda hasil sehektar berbanding purata hasil sebelumnya.

Projek EPP 11 merupakan satu daripada 16 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Pertanian iaitu Pengukuhan Produktiviti Penanaman Padi di lain-lain Kawasan Pengairan.

Mengenai projek pemindahan teknologi tersebut, antara tujuannya ialah memperkenalkan varieti padi baru MR219 yang telah lama digunakan di Semenanjung iaitu sejak 10 tahun lalu selepas MR263. Varieti MR263 telah dilancarkan pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) sebelum ini.

Peranan MARDI Sarawak juga termasuk projek NKEA Pertanian di bawah EPP 11 yang melibatkan bidang pembibitan, agronomi, mekanisasi, kawalan perosak dan penyakit dan lepas tuai.

KEMAJUAN teknologi penanaman padi bukit di Sarawak diharap dapat meningkatkan taraf sosioekonomi petani di negeri itu.



Teknologi padi bukit

KAJIAN mengenai padi bukit telah dijalankan pada 2009 hingga 2012 dengan pengeluaran antara dua hingga tiga tan sehektar setahun.

Pada ketika ini, tahap sara diri (SSL) padi di Sarawak ialah 53 peratus berbanding peringkat nasional 70 peratus.

Menurut penyelidik padi di MARDI Kuching Zaki Musa, meskipun jumlah kawasan padi bukit separuh daripada penanaman di seluruh negeri itu pengeluaran amat rendah.

Ketika ini, pengeluaran purata antara 700 dan 800 kilogram (kg) sehektar dan jumlah kecil kerana diusahakan secara tradisional.

Sehubungan itu, kajian mengenai padi bukit bertujuan menyelesaikan masalah tersebut dengan meningkatkan potensi hasil dengan menambahbaik amalan penanaman secara tradisional agar lebih ekonomik.

"Kajian ini memberi tumpuan kepada aspek pengurusan pembibitan, kaedah penanaman dan agronomi serta kawalan rumput, perosak dan penyakit," kata Zaki.

Penanam juga menerima bantuan baju, kapur cecair dan racun yang diperoleh melalui *Technofund*.

Zaki berkata, kaedah dan kadar pembibitan padi bukit agak berbeza berbanding padi sawah, begitu juga dengan aspek kawalan rumput, perosak dan penyakit.

Kajian yang beliau jalankan melibatkan penanam padi di Bau dan Tebedu iaitu masing-masing enam penanam di Bau dan 27 orang di Tebedu dan. Selain itu, terdapat 250 orang responden bagi kajian penanaman padi bukit yang dijalankan di daerah Serian.

Kajian atau survey bertujuan melihat mendapatkan akhmat awal latar belakang penanaman padi bukit bagi daerah Serian daripada keseluruhan 6,000 penanam padi bukit yang ada di negeri itu.

Zaki berkata, penanaman padi bukit di Sarawak dijalankan dengan menggunakan input pertanian yang sangat minimum.

Beliau berkata, kerajaan negeri memberikan bantuan Diammonium fosfat

(18:46) sebagai subsidi kepada petani padi bukit terbit.

Bagaimanapun katanya, kaedah pembibitan yang tidak betul dikenali pasti menyumbang kepada masalah penanaman. Ini kerana tiada kesan terhadap pembibitan dan kehilangan bahan berlaku terutama apabila digunakan di lantai.

Di samping itu, penggunaan racun rumput, racun perosak dan racun kulat dalam penanaman padi bukit juga adalah pada tahap yang minimum.

Petani menjalankan kaedah tebang dan bakar untuk penyediaan ladang penanaman padi bukit.

Kaedah pengurusan penanaman padi bukit sebegini telah menyumbang kepada hasil purata hasil kecik iaitu sekitar 700 hingga 800 kg sehektar bagi padi bukit di Sarawak seperti yang dinyatakan.

Satu kajian telah dijalankan di dua lokasi iaitu di Kg Gahat, Tebedu dan Kg Sepadah, Bau, Sarawak selama tiga tahun mulai tahun 2009.

Kajian bertujuan untuk meningkatkan potensi hasil padi bukit di Sarawak melalui amalan pengurusan tanaman yang baik.

Kajian ini telah dimulakan dengan memperoleh maklumat atas berkaitan status padi bukit di Sarawak melalui survei yang dijalankan di Daerah Serian melibatkan penanam di Kg Gahat, Tebedu.

Hasil daripada kajian tersebut, didapati 58 peratus responden di Serian berumur melebihi 51 tahun dan separuh daripada mereka hanya mendapat pendidikan sehingga sekolah rendah sahaja.

Kebanyakan daripada responden dalam kajian berkenaan adalah lelaki sebanyak 73 peratus responden mempunyai dua atau kurang ahli keluarga yang terlibat dalam tanaman padi bukit.

Hasil kajian atau survei turut menunjukkan sebanyak 82 peratus responden terlibat dalam penanaman padi sawah manakala dalam aspek pendapatan pula, sebanyak 53 peratus responden memperoleh pendapatan kurang daripada RM4,000 setahun.



ZAKI Musa (kiri) berbincang sesuatu dengan Mohammad Noor Adros Yahya (tengah) dan seorang penanam mengenai padi lawi di Kampung Gahat, Sarawak.

**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (AGRO) : MUKA SURAT 7
TARIKH : 26 MEI 2014 (ISNIN)**

AgroMega <



FADI Lawi merupakan sejenis padi bukit yang ditanam di Kampung Gahat Mawang, Tebedu.

Terdapat pelbagai varieti padi bukit yang ditanam dan ini kebanyakannya bergantung kepada pilihan petani masing-masing.

Namun demikian, varieti Lawi didapati paling popular di kalangan responden. Selain itu, kebanyaknya responden melaporkan bahawa keluasan kawasan padi bukit yang diusahakan semakin berkurangan dari tahun ke tahun.

Bagi kajian di Kg Gahat pula, didapati sebanyak 48 peratus responden berumur melebihi 51 tahun dan 57 peratus daripada mereka adalah lelaki.

Selain 55 peratus responden mempunyai pendidikan sehingga sekolah rendah. Kajian juga mendapati sebanyak

80 peratus responden mempunyai sekurang-kurangnya empat ahli keluarga.

Daripada segi pendapatan, separuh daripada responden berpendapatan kurang daripada RM3,000 setahun.

Seperti mana di Serian, varieti Lawi menjadi pilihan responden di Kg Gahat dengan 95 peratus responden menanam varieti padi tersebut.

Kebanyakan daripada responden juga mengusahakan keluasan kawasan padu bukit yang hampir sama pada setiap tahun.

Selain padi, tanaman utama lain adalah lada di melibatkan 91 peratus responden terlibat dengan tanaman ini.



PELBAGAI jenis padi varieti di Sarawak yang dipamerkan Stesen MARDI Kuching.

LOKASI PETAK-PETAK PETANI YANG TERLIBAT DALAM PROJEK DI KG. GAHAT, TEBEDU

Prestasi hasil Kg. Gahat, Tebedu

Perbandingan pencapaian hasil petani Kg. Gahat, Tebedu dari musim 2008/2009 hingga 2011/2012

Musim	2008/2009	2009/2010	2010/2011	2011/2012
Purata hasil (kg/ha) (21 Petani)	743	915	1,264	1,354
Perbezaan hasil (%)		23.1	70.1	82.2
Purata hasil (kg/ha) (6 petani)	706		1,309	1,669
Perbezaan hasil (%)			85.4	136.4
Purata hasil keseluruhan (kg/ha) (27 petani)	743/725	915	1,274	1,422
Perbezaan hasil keseluruhan (%)		23.1	75.7	96.1



PENANAMAN padi bukit di Sarawak perlu anjakan baru.

Kajian pakej tanaman padi bukit

KAJIAN telah dilaksanakan selama tiga musim mulai tanaman musim 2009/2010 sehingga musim 2011/2012.

Di Kg Gahat, seramai 21 peserta terlibat dalam projek dan melibatkan kawasan seluas 10.99 hektar (ha) sementara di Kg Sepadah hanya melibatkan seorang petani sahaja dengan kawasan seluas 0.5 ha pada musim 2009/2010.

Bilangan peserta di Kg. Gahat meningkat kepada 27 peserta pada musim 2010/2011 yang melibatkan kawasan seluas 15.81 ha.

Walau bagaimanapun, tiga peserta tidak dapat menyertai projek pada musim ketiga (2011/2012) dan keluaran kawasan projek berkurangan menjadi 14.32 ha.

Bagi projek di Kg. Sepadah, bilangan peserta meningkat kepada enam orang dan meliputi kawasan seluas 4.48 ha pada musim 2011/2012.

Peserta yang terlibat di dalam projek ini telah diperkenalkan dengan pakej

teknologi tanaman padi bukit dan mereka dikehendaki menggunakan pakai teknologi tersebut di dalam tanaman yang mereka usahakan pada musim tersebut.

Walau bagaimanapun, pada musim 2009/2010, projek bermula sedikit lewat menyebabkan sebahagian daripada amalan tanaman yang disyorkan khususnya amalan rawatan tanah, penapakan dan aplikasi racun rumput pra cambah tidak dapat dilaksanakan. Ini kerana peserta telah memulakan aktiviti ladang mereka lebih awal.

Komponen teknologi yang diperkenalkan kepada peserta projek adalah teknologi penapakan tanaman, pengurusan nutrien dan pembajaan, pengurusan rumput, serangan dan penyakit serta mekanisasi.

Pada masa yang sama, penyelidikan untuk menambahbaik komponen teknologi tersebut juga dijalankan di Sarawak dan MARDI Seberang Perai.

- LAUPA JUNUS

**KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 8
TARIKH: 26 MEI 2014 (ISNIN)**

JAKIM adakan mesyuarat khas

Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mengadakan mesyuarat khas bersama Kementerian Kesihatan, Jabatan Standard Malaysia (JS) dan Jabatan Kimia berhubung isu penemuan DNA babi (porcine) dalam dua sampel coklat Cadbury hari ini.

Ketua Pengarahnya Datuk Othman Mustapha berkata, keputusan pada mesyuarat itu akan dimaklumkan kepada media sebaik selesai.

“JAKIM turut memanggil syarikat berkenaan untuk mendapatkan maklum balas lanjut.

“ JAKIM memohon semua pihak tidak membuat sebarang spekulasi tidak berasas terhadap isu ini,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 2
TARIKH : 26 MEI 2014 (ISNIN)**

Jakim didesak tarik balik sijil halal semua produk syarikat terbabit

Boikot produk coklat Cadbury

KUALA LUMPUR - Pengguna beragama Islam digesa memboikot semua produk kejuaran Cadbury Confectionery Malaysia Sdn. Bhd. (Cadbury) selepas dua produknya iaitu Cadbury Dairy Milk Hazelnut dan Cadbury Dairy Milk Roast Almond dikesan mengandungi asid deoksiribonukleik (DNA) babi.

Setiausaha Agung Persatuan Ulama Malaysia (PUM), Prof. Madya Mohd. Roslan Mohd. Nor berkata, tindakan boikot itu perlu dilakukan sebagai satu pengajaran kepada syarikat terbabit supaya lebih sensitif dan menghormati sensitiviti umat Islam di negara ini.

Tegas beliau, tindakan boikot kesemua produk kejuaran Cadbury itu perlu dilakukan sehingga Cadbury dapat memberi jaminan bahawa bukan sahaja dua produk tersebut, malah semua produknya bebas daripada DNA babi.

"PUM mahu umat Islam memboikot semua produk Cadbury sebagai pengajaran kepada syarikat tersebut.

"Ini juga satu bentuk amaran tegas kepada syarikat-syarikat pengeluar makanan lain yang tidak mematuhi proses pengejuaran produk halal," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Semalam *Kosmo!* melaporkan Kementerian Kesihatan mendedahkan analisis yang dilakukan pihaknya mendapati dua produk kejuaran Cadbury iaitu Cadbury Dairy Milk



MOHD. ROSLAN



NADZIM

Hasil analisis Kementerian Kesihatan terhadap dua sampel jenama terkemuka itu

Coklat Cadbury ada DNA babi



Jakim gantung sijil halal dua produk

KERATAN *Kosmo!* semalam.

jenama Cadbury.

"Jakim perlu menggantung sijil halal semua produk coklat Cadbury bukan hanya terhadap dua produk yang yang dikesan mengandungi DNA babi itu sahaja.

"Tindakan tegas itu perlu diambil sebagai pengajaran bukan sahaja terhadap syarikat Cadbury, malah semua syarikat lain supaya lebih prihatin terhadap sensitiviti umat Islam di negara ini," tegas beliau.

Pengerusi Sukarelawan Peguam (Sukagam), Datuk Khairul Anwar Rahmat pula memberitahu, pengguna yang beragama Islam boleh mengambil tindakan undang-undang ke atas syarikat Cadbury kerana pemenuhan DNA babi dalam dua produk syarikat itu.

Menurut beliau, impak kes itu sangat

besar kepada pengguna beragama Islam kerana ia merupakan soal halal dan haram.

"Saman tersebut adalah atas dasar teledan, am atau kesan psikologi kerana saya yakin pengguna Islam mengalami trauma apabila berita itu tersebar dan mereka boleh mengalami kesan psikologi juga," katanya.

Sementara itu, Jakim akan mengadakan mesyuarat khas dengan Kementerian Kesihatan, Jabatan Standard dan Jabatan Kimia hari ini berhubung isu pemenuhan DNA babi dalam dua sampel coklat Cadbury.

Ketua Pengarah Jakim, Datuk Othman Mustapha dalam kenyataan semalam berkata, Jakim akan turut memanggil pihak pengurusan syarikat berkenaan untuk mendapatkan maklum balas lanjut berhubung perkara itu.

**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 14
TARIKH: 26 MEI 2014 (ISNIN)**

**Cadbury:
Jakim adakan
mesyuarat khas**

KUALA LUMPUR 25 Mei - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) akan mengadakan mesyuarat khas bersama Kementerian Kesihatan, Jabatan Standard Malaysia dan Jabatan Kimia Malaysia berhubung penemuan Asid Deoksiribonukliek (DNA) babi (porcine) dalam dua sampel coklat Cadbury, esok.

Dua sampel coklat tersebut ialah coklat susu dengan kacang hazel (*Cadbury Dairy Milk Hazelnut*) dengan nombor kelompok 200813 M01HI2 dan coklat susu dengan buah badam (*Cadbury Dairy Milk Roast Almond*) dengan nombor kelompok 221013 N01RI.

Ketua Pengarah Jakim, Datuk Othman Mustapha berkata, Jakim juga akan memanggil syarikat berkenaan untuk mendapatkan maklum balas lanjut berhubung perkara tersebut.

"Segala keputusan mesyuarat tersebut akan dimaklumkan sebaik mesyuarat selesai. Sehubungan itu, Jakim memohon semua pihak agar tidak membuat sebarang spekulasi yang tidak berasas terhadap isu ini bagi mengelakkan keresahan awam," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 14
TARIKH: 26 MEI 2014 (ISNIN)

Puteri UMNO gesa ujian kedua status halal Cadbury

KUALA LUMPUR
25 Mei - Pergerakan Puteri UMNO menggesa siasatan menyeluruh dan terperinci dilakukan oleh Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) berhubung isu coklat Cadbury yang didapati mengandungi asid deoksiribonukleik (DNA) babi.

Ketuanya, Mas Ermieyati Sam-sudin (**gambar**) berkata, penyiasatan terhadap perkara itu perlu memandangkan terdapat percanggahan keterangan maklumat dalam analisis yang dikeluarkan oleh kementerian tersebut seperti kekeliruan ejaan nama produk yang tidak sama dengan nama sebenar produk yang dimaksudkan.

"Keraguan ini ditambah lagi dengan ketiadaan Skim Akreditasi Makmal Malaysia yang dikenalikan oleh **Jabatan Standard Malaysia** di bawah Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi seperti yang telah tersebar dalam laman sosial sehingga mengundang tanda tanpa.

"Saya mencadangkan agar semua kementerian dan agensi yang terlibat melakukan ujian buat kali kedua dalam masa terdekat dan disahkan oleh pihak ketiga untuk memastikan sampel berkenaan benar-benar tercemar DNA babi atau tidak bagi meredakan keresahan masyarakat," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Semalam, Kementerian Kesihatan mendedahkan dua sampel produk coklat berjenama Cadbury iaitu *Cadbury Dairy Milk Hazelnut* dan *Cadbury Dairy Milk Roast Almond* mengandungi DNA babi (por-



cine).

Berikutan itu, Jakim menggantung serta-merta sijil pengesahan halal dua produk coklat Cadbury yang dikesan mengandungi bahan tersebut.

Dalam pada itu, Mas Ermieyati berkata, isu halal adalah sangat sensitif kepada rakyat Malaysia terutamanya yang beragama Islam kerana sumber makanan dan minuman yang halal dan baik itu menjadi punca kebersihan akal, jiwa dan tubuh manusia.

Tambahnya, jika terbukti laporan kali kedua itu menunjukkan keputusan yang sama, kerajaan perlu mengambil tindakan yang drastik dan tegas dengan mengharamkan kesemua produk yang dikeluarkan oleh syarikat tersebut serta merta dan menarik balik lesen perniagaan mereka kerana jelas telah melanggar akta makanan yang sedia ada.

"Tindakan ini perlu sebagai pengajaran kepada mana-mana syarikat pengeluar makanan di Malaysia supaya lebih bertanggungjawab dan tidak sambil lewat dalam mematuhi prosedur kebersihan makanan."

"Kita juga memuji tindakan Jakim menggantung serta-merta produk yang telah disahkan tercemar itu tetapi ada baiknya kalau Jakim membuat pemantauan susulan dengan lebih kerap bagi mengekalkan pengeluar tidak leka dan mengambil jalan mudah dengan mengabaikan aspek kebersihan untuk mengaut keuntungan," katanya.

Mas Ermieyati berkata, tindakan itu perlu bagi menjaga kredibiliti Jakim sebagai badan bertanggungjawab memantau dan mengesahkan status halal sesuatu produk.

**KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN : MUKA SURAT 04
TARIKH: 26 MEI 2014 (ISNIN)**

Syor ujian kedua sahkan status coklat

KUALA LUMPUR - Puteri Umno menggesa agar penyiasatan menyeluruh dan terperinci dilakukan Kementerian Kesihatan dan Jabatan kemajuan Islam Malaysia (Jakim) terhadap isu halal coklat Cadbury seperti dilaporkan akhbar semalam.

Ketuanya, Mas Ermieyati Samsudin berkata, penyiasatan ini perlu kerana terdapat percanggahan keterangan maklumat terhadap analisis yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan seperti kekeliruan ejaan nama produk yang tidak sama dengan nama sebenar produk yang dimaksudkan.

Beliau berkata, keraguan ini ditambah lagi dengan ketiadaan Skim Akreditasi (SAMM) yang dikendalikan oleh Jabatan

Standard Malaysia di bawah Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi seperti yang telah disebarluaskan dalam laman sosial.

"Ini sekaligus mengundang tanda tanya terhadap ketepatan dan kesahihan analisis tersebut. Justeru, saya mencadangkan agar kementerian dan agensi yang terlibat dapat melakukan ujian kali kedua dalam masa terdekat dan disahkan oleh pihak ketiga untuk memastikan sama ada produk tersebut mengandungi DNA Khinzir atau tidak bagi meredakan keresahan masyarakat," katanya, semalam.

Beliau berkata, isu halal begitu sensitif kepada rakyat Malaysia terutamanya yang beragama Islam kerana sumber makanan dan minuman yang halal dan baik menjadi punca kebersihan akal, jiwa dan tu-

buh manusia.

"Jika terbukti laporan kali kedua mendapati keputusan yang sama, kerajaan perlu mengambil tindakan drastik dan tegas dengan mengharamkan kesemua produk yang dikeluarkan oleh syarikat tersebut serta-merta dan menarik balik lesen perniagaan mereka kerana jelas telah melanggar akta makanan yang sedia ada," katanya.

Tindakan ini katanya, perlu sebagai pengajaran kepada syarikat pengeluar makanan di Malaysia supaya bertanggung jawab dan tidak sambil lewa dalam mematuhi prosedur kebersihan makanan.

"Apatah lagi, produk coklat berkenaan menjadi kegemaran ramai termasuk kanak-kanak dan kerap dijadikan sebagai bahan masakan," katanya.

**KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 04
TARIKH: 26 MEI 2014 (ISNIN)**

Mesyuarat khas JAKIM, Cadbury hari ini

Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) akan bersemuka dengan pengurusan syarikat pengeluar coklat, Cadbury, yang dikesan menggunakan DNA babi dalam dua produk keluarannya menerusi mesyuarat hari ini.

Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Othman Mustapha, berkata mesyuarat khas itu turut disertai Jabatan Kesihatan, Jabatan Standard dan Jabatan Kimia.

Beliau berkata, segala maklumat mengenai keputusan mesyuarat itu akan dimaklumkan kepada orang ramai melalui media bagi mengelak kerohanian.

Panggil syarikat

"Segala keputusan mesyuarat terbit akan dimaklumkan kepada media sebaik saja mesyuarat selesai. JAKIM memanggil syarikat berkenaan untuk mendapatkan maklum balas lanjut berhubung

perkara ini.

"Sehubungan dengan itu, JAKIM memohon semua pihak agar tidak membuat sebarang spekulasi tidak berasas terhadap isu ini bagi mengelakkkan kerohanian awam," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Semalam akhbar melaporkan, JAKIM menggantung sijil halal terhadap dua produk coklat susu keluaran Cadbury Dairy Milk yang dikeluarkan Cadbury Confectionery Malay-

sia Sdn Bhd, berkuat kuasa serta-merta ekoran penemuan DNA babi dalam produknya.

Penemuan DNA itu dikesan oleh Kementerian Kesihatan, dalam produk coklat susu dengan kacang hazel (Cadbury Dairy Milk Hazelnut) dengan nombor kelompok (Batch no) 200813 M01HI2 dan coklat susu dengan buah badam (Cadbury Dairy Milk Roast Almond) dengan nombor kelompok (Batch No) 221013 N01RI1.

**KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 05
TARIKH: 26 MEI 2014 (ISNIN)**

SukaGuam tawar khidmat saman pengeluar

Kuala Lumpur: Umat Islam di Malaysia yang berhasrat memfailkan saman terhadap pengeluar coklat susu Cadbury Dairy Milk yang disahkan mengandungi DNA babi, boleh mendapatkan bantuan Sukarelawan Peguam Malaysia (SukaGuam).

Sambil menegaskan pengguna ada hak dan asas kukuh untuk mengambil tindakan berkenaan, Pengerusi SukaGuam, Datuk Khairul Anwar Rahmat, berkata pihaknya juga banyak menerima aduan umat Islam di Malaysia, sama ada secara individu atau berkumpulan yang berasa tertipu dan teraniaya kerana sudah membeli dan termakan produk berkenaan.

Kerjasama PPIM

Berikut itu katanya, SukaGuam akan bekerjasama dengan pihak berkaitan termasuk Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) bagi mengumpul seramai mungkin umat Islam yang mahu mengambil tindakan undang-undang terhadap syarikat berkenaan.

"Syarikat terbabit menggunakan DNA babi dalam coklat susu yang sudah disahkan dan punya sijil halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Tindakan sama sebagai pengajaran kerana ramai umat Islam berasa mual, tertipu dan trauma selepas tahu mengandungi DNA babi"

***Khairul Anwar Rahmat,
Pengerusi
SukaGuam***

"Tindakan sama sebagai pengajaran kerana ramai umat Islam berasa mual, tertipu dan trauma selepas tahu makanan yang dibeli dan dimakan mereka selama ini mengandungi DNA babi," katanya semalam.

Siasat percanggahan maklumat

Sementara itu, Ketua Puteri UMNO, Mas Ermieyati Samsudin menggesa siasatan terperinci dilakukan oleh Kementerian Kesihatan dan JAKIM berhubung isu berkenaan kerana ada percanggahan keterangan maklumat terhadap analisis yang dikeluarkan seperti kekeliruan ejaan nama produk.

Katanya, keraguan itu ditambah lagi apabila tiada Skim Akreditasi SAMM yang dikendalikan oleh Jabatan Standard Malaysia seperti disebarluaskan dalam laman sosial, sekali gus mengundang tanda tanya mengenai ketepatan dan kesahihan analisis terbabit.

"Justeru, saya cadangkan kementerian dan agensi berkaitan buat ujian kali kedua dalam masa terdekat dan disahkan oleh pihak ketiga untuk memastikan sampel benar-benar tercemar dengan DNA babi bagi meredakan keresahan masyarakat.

"Jika ujian kedua menghasilkan keputusan sama, kerajaan perlu ambil tindakan drastik dan tegas, haramkan semua produk syarikat terbabit dan tarik balik lesen perniagaan mereka kerana melanggar akta makanan," katanya yang turut menggesa JAKIM membuat pemantauan susulan dengan lebih kerap supaya pengeluar tidak leka.

Cadbury allays fear

> Chocolate maker says it adheres to food safety standard

BY VATHANI PANIRCHELLVUM
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Cadbury Malaysia yesterday assured Malaysians that it will adhere to food safety and halal standards.

This assurance comes in the wake of public outcry and reports by the health ministry on the finding of porcine (pig) DNA in Cadbury chocolates.

"Since it came light, we have been actively engaging with the authorities to investigate the issue with the highest urgency. We understand that customers are disappointed to hear the news on the recent test by health ministry on two of our products," it said in a

statement yesterday.

"We hear you and we value your comments and feedback over this issue. We understand how important halal is to the Muslim community. It is also of the highest importance to Cadbury," it said.

All affected Cadbury Dairy Milk Hazelnut (with batch number 200813MoiH I2 that expires on Nov 13, 2014) and Cadbury Dairy Milk Roast Almond (with batch number 221013NoiR I1 that expires on Jan 15, 2015) have been recalled with immediate effect.

Cadbury Malaysia also reassured consumers that its other products made in Malaysia were not affected.

The company on Saturday said it will undertake a full review of the supply chain to ensure all quality standards are met continually, and that all Cadbury chocolates manufactured in Malaysia are halal certified by the Department of

Islamic Development Malaysia (Jakim).

Meanwhile, Jakim will hold a special meeting with the health ministry, Department of Standards Malaysia and Chemistry Department on the issue.

Its director-general, Datuk Othman Mustapha, in a statement yesterday said Jakim will call Cadbury to get further feedback.

In the meantime, the domestic trade, cooperatives and consumerism ministry will conduct checks to ensure chocolate products found to contain porcine DNA have been removed.

Its deputy minister, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah, said the enforcement division will check premises and outlets selling imported chocolates to ensure the two chocolate products found to contain the porcine DNA were no longer being sold.

Planning beyond GDP gains support

NEW MEASURES OF PROGRESS: Global society should strive for a high quality of life that is equitably shared and sustainable

GROSS domestic product (GDP) has always been the measure of progress for economies around the world. We are no different.

Attempts to bring in other ways to measure progress have met with resistance from parties who view GDP as irreplaceable. Is this about to change? Is the resistance to embrace other measures to replace GDP about to buckle and dissipate?

I recently attended a talk held at the Institute of Strategic and International Studies (Isis) given by a Malaysian-born professor from the UN University based in Bonn, Germany, on the very subject of "beyond GDP".

His arguments on the need to develop new measures of progress were very convincing indeed. The key word is sustainability.

Looking at GDP alone will not help the sustainable development

goals agenda that the UN is pursuing post-2015. There are clear signs now that GDP will soon be history.

Many may be familiar with the words once echoed by Robert F. Kennedy, that a country's GDP measures "everything except that which makes life worthwhile".

Many would agree that the GDP measure was considered relevant when the concept was first developed in the 40s after the Great Depression. The urgency then was to increase economic activity to provide employment, enhance income and amenities to reduce social conflict and prevent another world war.

But the world today is very different from the one faced then. Instead of promoting wellbeing, the emphasis on GDP in developed countries now fuels social conflicts and environmental degradation. It also misguides developing coun-

tries to possibilities for more sustainable models of development.

But even when GDP was first used, the world was warned against equating GDP growth with well-being. Why is this so?

Looking at what has since taken place in the world, that warning is now proven right. For one, GDP measures mainly market transactions. It ignores social costs, environmental impacts and income inequality. Though promoting GDP growth has remained the primary national policy goal in almost every country, there are signs this is about to change.

Researchers, for example, have now become much better at measuring what actually does make life worthwhile.

The environmental and social effects of GDP growth can now be estimated. So can the effects of income inequality. There is now a realistic chance to replace GDP as a measure of progress.

By 2015, the UN is scheduled to announce the Sustainable Develop-

ment Goals, a set of international objectives to improve global well-being. It would be a pity if the world misses this opportunity to embrace sustainable development. In fact, missing it would mean condoning the growing inequality. Not to mention the continued destruction of the natural capital on which all life on the planet depends.

Soaring economic activity has depleted natural resources. Much of the generated wealth has been unequally distributed, leading to a host of social problems.

One philosopher noted more than 200 years ago that once decent living standards were assured, human efforts should be directed to the pursuit of social and moral progress and the increase of leisure, not the competitive struggle for material wealth. Or as the economist John Kenneth Galbraith once observed: "To furnish a barren room is one thing. To continue to crowd in furniture until the foundation buckles is quite another."

There is general agreement ev-

erywhere that global society should strive for a high quality of life that is equitably shared and sustainable.

Several groups and reports have concluded that GDP is dangerously inadequate as a measure of quality of life. That conclusion was also echoed in "The Future We Want", the declaration of the 2012 Rio+20 UN Conference on Sustainable Development agreed to by all UN member states.

Nonetheless, GDP remains entrenched. Many believe vested interests are partly responsible for the resistance to change. It is often said that what you measure is what you get.

Building the future we desire requires that we measure what we want. We must remember that it is better to be approximately right than precisely wrong.

Therefore, taking the cue from the reasonings that have now become mainstream, it may be time for us to seriously embrace the measures proposed beyond GDP to chart the country's future development, which is anyway very much in line with the nation's New Economic Model of high income with sustainability and inclusiveness.



Dr Ahmad Ibrahim
is fellow of the
Academy of
Sciences Malaysia

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 26 MEI 2014 (ISNIN)



Penyelidik UPM Ungguli Bidang Inovasi

Oleh Ali Imran Mohd Noordin

KUALA LUMPUR (Bernama) -- Dahulu, sering kedengaran keluhan pelbagai pihak tentang kurangnya universiti tempatan yang tampil membuat penyelidikan dan rekaan inovasi memenuhi keperluan tempatan.

Akibatnya, lambakan teknologi luar negara menjadi pilihan, membanjiri agensi-agensi strategik negara dan dalam kebanyakan kes, melibatkan kos yang tinggi termasuk pengaliran keluar banyak mata wang negara.

Bagaimanapun, banyak daripada teknologi dan inovasi yang berasal dari negara luar itu tidak memenuhi aspirasi tempatan.

Ini termasuklah faktor keadaan sosio-ekonomi dan geografi negara yang mungkin hanya difahami oleh rakyat tempatan dan menyebabkan bukan semua teknologi dan inovasi luar negara sesuai dalam konteks tempatan.

Banyak daripada inovasi itu perlu lebih spesifik untuk memenuhi keperluan Malaysia seperti prisian simulator "Wireless Hockey" (WiHOC) yang dicipta oleh Professor Madya Dr Shamala Subramaniam dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

WiHOC dicipta bagi meningkatkan kualiti latihan skuad hoki wanita kebangsaan dan hasilnya pasukan kebangsaan merangkul pingat gangsa pada kejohanan Hoki Juara-juara Asia 2013.

UPM adalah satu daripada lima universiti yang dianugerah status 'Universiti Penyelidikan (RU)sejak konsep ini diperkenalkan oleh kerajaan pada 2006.

Pada awal Mei, universiti ini menjadi hos kepada program 'Media Event RU Success Stories' yang memaparkan kejayaan RU melahirkan individu berbakat cemerlang di bawah subtema kelestarian, keusahawanan, isu alam sekitar, keselamatan makanan serta kesihatan dan kesejahteraan.

UJIAN BARAH PAYU DARA DI CERUK KAMPUNG

Para inovasi tempatan tidak ketinggalan membuktikan bahawa mereka juga boleh mencipta nama dalam bidang inovasi negara.

Antara mereka ialah Professor Madya Dr. M. Iqbal Saripan, seorang pencipta inovasi terkemuka negara.

Ketua Jabatan Kejuruteraan Sistem Komputer dan Komunikasi, Fakulti Kejuruteraan UPM ini dinobatkan pemenang Anugerah Saintis Muda Negara 2013. Pada 2012 beliau dianugerahi "The Outstanding Young Malaysian Award" (2012) dan pingat emas Anugerah Inovasi Nuklear Malaysia (2008).

Mesin pengimbas barah payu dara mudah alih ciptaan beliau "Single Photo Emission Computed Tomography" (SPECT) adalah satu bentuk inovasi yang terhasil daripada keprihatinan beliau terhadap nasib wanita di kawasan pedalaman.

Wanita di luar bandar tidak dapat menikmati kemudahan mesin pengimbas barah payu dara berikutnya mesin berkenaan tidak mudah dialih dan hanya terdapat di hospital utama di bandar besar.

"Umum mengetahui bahawa mesin pengimbas barah payu dara menggunakan mesin pengimbas Computed Tomography (CT) hanya ada di hospital-hospital utama yang terletak di kawasan bandar".

"Mesin SPECT boleh dibawa ke mana-mana hingga ke kawasan luar bandar dan membolehkan wanita di luar bandar turut diimbas dengan kualiti imbasan seperti menggunakan mesin pengimbas CT", jelas beliau.

Lebih menariknya, ujian makmal menunjukkan SPECT boleh mengesan sel barah walaupun saiznya cuma satu milimeter panjang.

SPECT membolehkan pengesanan pada peringkat awal justeru tindakan segera boleh diambil bagi menyelamatkan nyawa seseorang.

NUKLEAR SELAMAT

Satu daripada beberapa ciri menarik SPECT ialah ia menggunakan teknologi nuklear.

Mungkin ramai yang mempunyai persepsi negatif mengenai penggunaan bahan ini ke atas manusia, tapi menurut Iqbal ia disahkan selamat.

"Komponen nuklear yang digunakan berciri 'half-life', iaitu ia akan hilang daripada sistem badan pesakit selepas 12 jam ia dimasukkan dalam badan mereka, tanpa meninggalkan sebarang kesan sampingan", jelas Iqbal.

Kekuatan mesin ini terletak di peranti 'collimator' yang direka khas.

Peranti 'Wired Network Collimator' inilah yang menjadi 'jantung' kepada alat pengimbas SPECT.

SPECT telah melalui beberapa siri ujian dalam makmal dan perlu melalui beberapa proses lagi termasuk di luar negara sebelum ujian terhadap manusia dilakukan, dan sekiranya berjaya ia akan dikomersialkan.

STANDARD ANTARABANGSA, BIMBINGAN MALAYSIA

Sementara itu, Professor Datuk Dr Mohamed Shariff Mohamed Din dari Fakulti Perubatan Veterinar pula memberitahu Bernama, pemilihan beliau sebagai penceramah organisasi antarabangsa, World Intellectual Property Organisation (WIPO) adalah satu bentuk sumbangan kepada dunia.

Dengan kepakaran yang dimiliki, Dr Mohamed Shariff membantu pelbagai universiti dan pusat penyelidikan tempatan mahupun antarabangsa mengenai pembangunan inovasi.

"Ada banyak teknologi yang dibuat di makmal tidak dapat dikomersialkan kerana pelbagai sebab, antaranya ialah kos pembuatan yang terlalu tinggi dan proses penghasilan yang terlalu rumit.

"Tanggungjawab saya di WIPO ialah mengiring universiti-universiti dan pusat-pusat penyelidikan tentang 'how to do it right', daripada tahap kajian di makmal, kemudian ke tahap 'pilot scale' dan seterusnya, dikomersialkan", jelas beliau.

Kepakaran Dr Mohamed telah membawa beliau ke merata negara, memberi ceramah kepada ahli-ahli akademik dan barisan kepimpinan tertinggi di lebih 15 negara dalam rangka menyusun atur perancangan dan pelaksanaan program-program inovasi.

Dr Mohamed turut menjelaskan bahawa Malaysia kini berada di landasan yang betul dalam usaha ini, apabila menduduki tangga ke-32 dunia dalam Indeks Inovasi Global 2013 mengatasi negara lain seperti Brunei Darussalam, Thailand, Vietnam, Indonesia dan Kemboja.

KERJASAMA DENGAN PIHAK INDUSTRI

Menurut Dr Mohamed, sebenarnya inovasi dan pengkomersialan masih satu topik baru di universiti dan pusat penyelidikan seperti PORIM, **SIRIM** dan MPOB.

Justeru, memang banyak perkara yang masih perlu dipelajari terutama hal-hal berkaitan kepentingan mendaftar pemilikan harta intelek.

Beliau turut mengimbas pada peringkat awal usaha ini, ada pihak yang beranggapan hasil-hasil penyelidikan dan inovasi sebagai sesuatu yang diberi percuma kepada orang ramai.

Pada waktu itu, ramai yang tidak faham tentang pengkomersialan dan ada yang tidak sedar mengenai kepentingan paten dan melindung ciptaan.

"Orang lain akan tiru ciptaan kita, dan akhirnya kita yang rugi sebab perlu bayar bagi teknologi yang kita hasilkan terlebih dahulu", ujar beliau.

"Tidak semua penyelidikan boleh mencapai tahap pengkomersialan, dan di sinilah pentingnya kerjasama dengan pihak industri. Oleh itu, kami di WIPO sentiasa menggalakkan kerjasama seperti ini dari peringkat awal.

"Mereka (industri) tahu apa yang dimahukan pengguna. Kita (penyelidik) selalunya yang duduk dalam kampus ini, ada banyak impian untuk buat pelbagai benda tapi sebenarnya tidak memenuhi keperluan (pengguna)", jelasnya lagi.

USAHA UNIVERSITI PENYELIDIKAN

Empat lagi universiti yang berstatus RU ialah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Sains Malaysia (USM).

Keempat-empat universiti ini juga memikul tanggungjawab mendorong universiti lain di negara ini dalam usaha memperbanyak program berdasarkan penyelidikan dan inovasi.

Kerjasama ini dilaksanakan melalui tiga inisiatif iaitu 'Regional Cluster for Research Publication, 'Research Acculturation Collaborative Effort (RACE)' serta Dana Pembudayaan Penyelidikan (RAGS).

Sehingga 2012, program RU berjaya menjana 182,720 peluang pekerjaan tenaga mahir dan menjana RM1.25 billion hasil daripada penyelidikan dan inovasi.

-- BERNAMA